



Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Kabus yang menutupi kehijauan alam semula jadi pada pagi hari cukup mempesonakan.

Udara nyaman dan segar serta jauh daripada kesibukan kota memberikan satu ketenangan yang sukar digambarkan dengan kata-kata.

Kicauan burung yang merdu persis alunan lagu indah yang menemani saat menikmati sarapan pagi di balkoni bilik benar-benar memberikan kedamaian.

Segala kekusutan dan masalah yang bersarang di minda hilang dibawa bersama tiupan bayu lembut.

Itu yang pastinya dirasakan saat bercuti di kawasan tanah tinggi.

Dengan ketinggian tempatnya, kehijauan alam semula jadi yang disajikan serta kepelbagaian flora dan fauna yang menanti, percution anda pasti menjadi satu daripada percution terindah.

Ingin menikmati sendiri ketenangan yang dirasakan saat bercuti di kawasan tanah tinggi, anda tidak perlu pergi hingga ke luar negara kerana negara kita adalah lokasi terbaik untuk percution di tanah tinggi.

Oleh itu, dengan cuti sekolah yang masih berbaki beberapa hari lagi bersama cuti hujung minggu, desti-



Tenang tak terkata

Negara kita mempunyai lokasi terbaik untuk percution di tanah tinggi

nasi percution tanah tinggi yang disenaraikan Santai minggu ini mungkin berseesuaian dengan anda.

● **Bukit Larut**

Pemandangan indah saat matahari terbenam dan seni bina rumah penginapan

yang disediakan membuatkan anda bagaikan berada di luar negara. Tetapi, hakikatnya anda masih berada dalam negara.

Itu yang pasti dirasakan anda saat berkunjung ke satu daripada lokasi percution tanah tinggi yang cukup memukau

pandangan iaitu Bukit Larut.

Bukit Larut atau Bukit Maxwell di Taiping, Perak adalah pusat peranginan tanah tinggi tertua di Malaysia. Nama bukit itu diambil sempena Residen British, George Maxwell yang bertugas di kawasan itu pada 1880.

Kawasan ini adalah lokasi paling lembap di Malaysia.

Antara tarikan yang menanti anda di puncak Bukit Larut adalah banglo zaman kolonial British seperti The Cottage iaitu kediaman Residen British pertama, Rumah Rehat Bukit Larut, Banglo

Beringin (Rumah Rehat Watson), Banglo Angkasa (The Federal Bungalows), Banglo Cendana (The Hut), Banglo Tempinis (Banglo Treacher), Sri Kayangan (The Box) dan Rumah Rehat Gunung Hijau (The Speedy Resthouse), Taman Teh (Tea Garden) dan




PEMANDANGAN mempesona di Taman Negara Kinabalu menggamit pengunjung.



MENUNGGANG kuda juga antara yang menanti di Bukit Fraser.



PENGALAMAN memetik stawberi segar pasti mengujakan.



ANTARA pemandangan menarik ketika menaiki kereta kabel di Gunung Mat Chincang.

berak rumah papan, pekerja ladang teh yang pernah dijadikan hospital ketika zaman Perang Dunia Kedua.

Selain itu, jambatan gantung yang dibina dengan landskap menarik membolehkan keunikan Bukit Larut.

● Taman Negara Kinabalu

Pemandangan indah puncak gunung tertinggi di Asia Tenggara, Gunung Kinabalu pada waktu pagi memang menakjubkan.

Kehijauan alam semula jadi di satu daripada pintu utama untuk mendaki Gunung Kinabalu ini juga cukup mengujakan.

Mengambil masa lebih kurang dua setengah jam pemanduan dari pusat bandar Kota Kinabalu, Taman Negara Kinabalu adalah satu daripada lokasi percutian tanah tinggi yang perlu dikunjungi.

Taman Negara Kinabalu ini dibuka pada 1964 dan ia cukup terkenal dengan keindahan alam semula jadi, kekayaan flora dan fauna serta tahap perlindungan kawasan ini yang diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai tapak warisan dunia oleh UNESCO pada 2 Disember 2000.

Di Taman Negara Kinabalu ini, anda turut berpeluang mempelajari pelbagai spesies pokok dan tumbuhan yang sesetengahnya hanya boleh didapati di Sabah dan Pulau Borneo.

Mahu lebih aktiviti menarik, kunjungan ke Kundasang yang popular den-

nai di Bishop sejauh 1,500m, Abu Suradi (500m), Hemmant (1,000m), Maxwell (1,800m), Mager (1,000m) dan Rompin (500m).

Mahu aktiviti lebih santai, menunggang kuda, memamah serta berjoging mungkin boleh anda lakukan.

● Genting Highlands

Terletak di atas Gunung Ulu Kali kira-kira 1,800m di atas paras laut, Genting Highlands adalah sebuah resort bukit yang terulung dengan hotel, taman tema, tempat makan, hiburan dan beli-belah.

Terkenal dengan jolokan 'Kota Keriangan', Genting Highlands mampu memberikan kepuasan maksimum jika tebing menikmati suasana sejuk yang menyeronokkan.

Cuacanya yang sejuk dan jaraknya yang hanya 54 kilometer dari Kuala Lumpur, iaitu lebih kurang sejam pemanduan menjadikan ia percutian tanah tinggi popular dalam kalangan warga kota.

Sesuai dengan jolokan 'Kota Keriangan', permainan disediakan di taman tema ini pasti memberikan keseronokan yang tiada penghujung buat anda.

Namun, Genting Outdoor Theme park ditutup sejak 1 September tahun lalu selama tiga tahun bagi tujuan pembinaan Twentieth Century Fox Theme Park.

Bagaimanapun, anda masih boleh berseorok dengan lain-lain tarikan termasuk Forst World Indoor Theme Park, SnowWorld, Sky Ven-

ture, Genting Bowl, Vision City dan Funtasy World Video Games Park yang beroperasi seperti biasa.

Mahu kelainan untuk sampai ke puncak Genting Highlands ini, menaiki kereta kabel Skyway ke puncak bukit dengan pemandangan hijau menambahkan keterujaan anda.

● Cameron Highlands

Terletak di Banjaran Titiwangsa kira-kira 1,500m di atas paras laut, Cameron Highlands adalah bukit perancangan terbesar di Malaysia.

Cuacanya yang sejuk menjadikan persekitarannya sempurna untuk menanam pelbagai jenis tumbuhan, termasuk teh, bunga, kaktus, sayuran dan strawberi.

Mengunjungi Cameron Highlands yang juga terletak di barat daya Pahang, anda berpeluang menikmati pemandangan indah ladang teh yang subur meliputi bukit beralun sambil menghirup secawan teh yang menyegarkan.

Bercuti di sini, antara lokasi menarik yang perlu dikunjungi anda termasuk Strawberry Park, Taman Rama-Rama, The Smoke House, Rainbow Garden, The Lake House, Taman Camellia Tan, Cactus Valley, Cactus Point dan Ladang Uncle Sam.

Kunjungi juga Ladang Teh Boh untuk mempelajari proses membuat teh, diikuti dengan menikmati secawan teh panas sambil dijamu dengan pemandangan ladang teh yang cukup me-

mukau pandangan mata.

Berjalan-jalan di ladang dan memetik sendiri buah stawberi segar untuk dibawa pulang cukup menyeronokkan.

Saat berada di Cameron Highlands, jangan lepaskan peluang merakam kenangan terindah anda bersama keluarga terutama ketika berada di ladang teh.

● Gunung Mat Chincang

Ia terletak di barat laut Pulau Langkawi, gunung kedua tertinggi selepas Gunung Raya. Ia diwartakan 'Geopark' oleh UNESCO.

Tarikan utama di Gunung Mat Chincang adalah perkhidmatan kereta kabel yang menghubungkan Oriental Village di Teluk Berau dan Gunung Mat Chincang.

Kereta kabel ini diiktiraf Malaysia Book of Records sebagai kereta kabel tanpa tiang terpanjang di Malaysia iaitu sejauh 2.2 kilometer (km).

Perkhidmatan kereta kabel ini mempunyai dua stesen di sepanjang perjalanan yang memberi peluang kepada pelawat untuk singgah di pertengahan jalan atau meneruskan destinasi ke puncak Gunung Mat Chincang.

Selain itu, di puncak gunung ini terdapat pelantar setinggi 713m dari paras laut. Ia dibina khas untuk menyaksikan pemandangan lebih menyeluruh kawasan sekitar Pulau Langkawi.

Di bahagian lain di puncak gunung ini terdapat satu jambatan gantung yang di-



DIARI SANTAI

● Royal Pahang Billfish International Challenge

Acara tahunan yang diadakan pekan kecil Rompin mendapat perhatian antarabangsa. Acara yang mencahar ini berjaya menarik minat ramai kaki pancing dari jauh seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Jepun, Thailand, Indonesia dan Singapura.

Tarikh: 12 hingga 24 September

Tempat: Lanjut Beach & Golf Resort, Rompin, Pahang

● Malaysia Islamic Arts & Tourism Souq

Pelbagai program dan acara yang berlangsung bagi memberikan pendedaran kepada penduduk dan rakyat Malaysia bahawa Islam dan pelancongan berkait rapat sejak zaman Rasulullah SAWserta Malaysia adalah sebuah negara yang sangat sesuai untuk menarik pelancong Muslim dan bukan Muslim untuk menjadikannya destinasi percutian mereka.

Tarikh: 18 hingga 21 September

Tempat: Kompleks Taman Seni Islam Selangor

Masa: 9 pagi hingga 10 malam

● Malaysian Open Kuala Lumpur 2014 ATP World Tour 250

Terbuka Malaysia, Kuala Lumpur meraikan ulang ta-

31 Disember

Tempat: Kuala Lumpur
Penganjur: Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

● Standard Chartered KL Marathon 2014

Larian yang bermula dan berakhir di Dataran Merdeka dilepaskan secara langsung di bawah menara jam Bangunan Sultan Abdul Samad. Larian Marathon pula membawa pelari melalui mercu tanda yang unik antaranya Menara Berkembar, Tugu Negara, Little India, Masjid Negara, Istana Raja dan Bangunan Parlimen.

Tarikh: 12 Oktober

Tempat: Dataran Merdeka dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Penganjur: Dirigo Events Sdn Bhd

Tel: +603-7887 4717

● Hari Raya Aidiladha

Turut dikenali sebagai Hari Raya Haji, perayaan ini ialah kemuncak ibadah haji bagi jemaah haji di Makkah yang dilakukan jutaan umat Islam pada setiap tahun. Ia juga dikenali sebagai Hari Raya Korban. Umat Islam di neg ini menyambut perayaan dengan menuaikan solat sunat Aidiladha pada pagi hari raya dan melakukan korban dengan menyembelih haiwan ternakan.

Tarikh: 5 Oktober

Tempat: Seluruh negara

● Mount Kinabalu International Climbathon - Adven-

gan tanaman sayuran tanah tinggi, ladang teh dan Poring Hot Springs menambahkan keseronokan percutian anda.

Bagi anda yang mahu menguji kemampuan dan menawan gunung tertinggi di Asia Tenggara, Gunung Kinabalu, ini peluang anda.

● Bukit Fraser


Digelar 'Little England' dek seni bina dan suasana perkampungan Inggeris yang ditawarkan di sini, Bukit Fraser punya keistimewaan tersendiri.

Terletak di Pahang dan pada ketinggian 1,524 meter (m) dari aras laut, Bukit Fraser adalah lokasi sesuai bagi penggemar pemerhati burung.

Ini kerana, selain keindahan hutan hujan yang subur, Bukit Fraser mempunyai lebih 270 spesies burung tempatan dan yang berhijrah ke situ.

Selain memerhati pelbagai spesies burung, antara aktiviti menarik yang menanti anda ialah meredah hutan, melawat tapak semaian bunga, berkelah dan menikmati kesejukan air terjun.

Anda boleh meneroka de-



MENIKMATI secawan teh panas dalam cuaca yang sejuk nyata menghangatkan.



KOTA Keriangan Genting Highlands antara destinasi percutian tanah tinggi yang menarik dikunjungi.

ban dengan menggunakan besi keluli menghubungkan Gunung Mat Chincang dan sebuah gunung lain yang bersebelahan dengannya.

● Gunung Jerai

Gunung Jerai atau Puncak Kedah menjanjikan pemandangan memukau terutama ketika sawah padi menguning, ibarat hamparan permaidani yang indah.

Tarikan kawasan ini adalah Tangga Kenari iaitu laluan utama bagi pendaki berjalan ke puncak Gunung Jerai, Hutan Lipur Tupah di Hutan Simpan Gunung Jerai serta air terjun dari puncak Gunung Jerai sepanjang 2km.

Aktiviti mandi-manda, berkelah, beristirahat dan aktiviti berkumpul antara aktiviti yang popular di situ.

Untuk mengingati, chalet yang diperbuat daripada kayu dengan reka bentuk kolonial pasti memberikan kelainan kepada penginapan anda di situ.

Terdapat kesan peninggalan silam seperti Batu Kapal, Padang Tok Syekh, Air terjun Alur Naga dan Telaga Tok Syekh di puncak gunung ini.

huh keenam. Peminat tennis di seluruh dunia pastinya akan seronok melihat perlakuan yang disertai tiga daripada pemain dunia yang mengesahkan penyertaan mereka.

Tarikh: 20 hingga 28 September

Tempat: Stadium Putra, Bukit Jalil

Tel: +603-9222 8811

● Asia Pacific Ironman Langkawi

Acara yang menuntut peserta menempuh pelbagai cabaran termasuk berenang 3.8 kilometer (km), 180 km-berbasikal dan 42.2 km berlari.

Tarikh: 27 September

Tempat: Langkawi, Kedah
Penganjur: IRONMAN Asia-Pacific

● Fabulous Food 1Malaysia

Bersedia menikmati pelbagai juadah lazat disediakan chef terkemuka yang akan menyediakan pelbagai masakan dan hidangan khas menggunakan bahan terbaik, segar dan berkualiti. Jelajahi seluruh negara dan nikmati kelazatan hidangan masakan disediakan khusus sempena bulan ini.

Tarikh: 1 October hingga

● **ture Series**

Digelar sebagai 'Perlumbaan Gunung Paling Mencabar di Dunia', perlumbaan ini adalah cabaran sebenar menguji semangat ketahanan peserta. Pendaki gunung biasa akan mengambil masa dua hari untuk mendaki gunung itu, tetapi peserta perlumbaan boleh melakukannya dalam masa kurang dari tiga jam naik dan turun Gunung Kinabalu (4095.2m) dengan jarak keseluruhan sepanjang 21km untuk semua kategori Lelaki, Wanita dan Veteran Lelaki.

Climbaton ini adalah sebahagian daripada Siri Sky Runners World Series Circuit yang diadakan selama beberapa tahun berturut-turut dan satu-satunya perlumbaan di litar yang diadakan di luar Eropah. Sky Runners World Series Circuit ini dikawal selia dan diselaraskan oleh pihak persekutuan yang berpangkalan di Eropah untuk Sport at Altitude (FSA).

Tarikh: 19 Oktober

Tempat: Kundaşang, Ranau, Sabah

Penganjur: Sri Pelancongan Sabah Sdn Bhd

Tel: +6088-232 121